

PENTADBIRAN ZAKAT FITRAH OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Muhammad Safwan Harun^a, Muhammad Ikhlas Rosele^{b*} & Mohd Sayuti Mansor^c

^{ab}*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

^c*Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – DECEMBER 3, 2018; REVISED – MAY 2, 2019; ACCEPTED – JUNE 10, 2019)

ABSTRACT

Zakat is one of the sources to generate the economy for Muslim society. It is also a medium of wealth distribution between the rich and the poor. There are various sources of zakat such as business, salary, agriculture, livestock and fitrah. This article intends to discuss the administration of zakat fitrah as practiced in Malaysia. Zakat fitrah is a type of zakat that is obliged to every Muslim where it is paid by the individual himself or by his guardian like father. In terms of its administration, zakat fitrah is under the jurisdiction of the State Islamic Council (MAIN). Hence, various steps have been taken by MAIN to ensure collection of zakat fitrah and its distribution is at a very satisfactory level. Studies have found that the administration of zakat fitrah in Malaysia is at an efficient level. This achievement has been achieved by MAIN through improvements from human resources, technology and community awareness.

ABSTRAK

Zakat adalah salah satu sumber pendapatan bagi menjana ekonomi umat Islam. Ianya juga adalah sebuah medium agihan kekayaan antara golongan kaya dan golongan miskin. Terdapat pelbagai sumber zakat antaranya seperti perniagaan, gaji, pertanian, ternakan dan fitrah. Artikel ini akan membincangkan pentadbiran zakat fitrah yang diamalkan di Malaysia memandangkan zakat fitrah merupakan satu jenis zakat yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam di mana ianya dibayar oleh individu itu sendiri atau oleh walinya seperti bapa. Dari segi pentadbirannya, zakat fitrah berada dibawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh itu, pelbagai langkah telah dijalankan oleh MAIN dalam memastikan kutipan zakat fitrah dan pengagihannya berada pada tahap yang amat memuaskan. Kajian mendapati, pentadbiran zakat fitrah di Malaysia berada pada tahap yang amat efisien dan cekap. Hal sedemikian telah dicapai oleh MAIN melalui penambahbaikan dari faktor sumber manusia, teknologi dan kesedaran masyarakat

Kata kunci: Zakat Fitrah, MAIN, Bursa, Pentadbiran, Malaysia

1. Pengenalan

Sebagaimana yang diketahui bahawa Islam adalah sebuah agama rahmat, yang menjadi jalan lurus bagi setiap muslim yang mencakupi setiap persoalan sama ada dari aspek keyakinan, hubungan dengan

* Corresponding author: Muhammad Ikhlas Rosele, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: ikhlas@um.edu.my

Pencipta, kebersihan, hubungan sosial dan sebagainya. Untuk menjadi muslim yang sejati banyak aspek yang perlu diterokai oleh seseorang itu samada dari aspek keilmuan (theoretical) ataupun perbuatan (practical). Salah satu perkara yang perlu dikuasai adalah zakat yang menjadi salah satu tiang keislaman seseorang.

Zakat fitrah adalah ibadah yang diwajibkan oleh Allah oleh manusia, ia juga merupakan salah satu tanggungjawab sosial kepada setiap individu Islam dalam masyarakat. Oleh itu kertas kerja ini berusaha untuk menjelaskan kefahaman, falsafah, objektif dan hikmah yang berada dibalik zakat fitrah, yang mana orang Islam boleh mengambil manfaat dan rujukan dalam mendalami ibadah ini. Juga disertakan atau diketengahkan kaedah pentadbiran zakat yang berkesan di Malaysia yang juga mendedahkan selok belok pentadbiran sumber kewangan dan ekonomi negara. Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif di mana hanya data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Kemudian analisis secara induktif dan deduktif diaplikasikan bagi mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki.

2. Konsep zakat fitrah

Zakat dari segi bahasa secara umumnya bererti penambahan (تداييل), ia juga boleh digunakan dalam pengertian lain seperti, cerdas, subur, jernih, berkat, kepujian bersih dan lain-lain (Ibn Manzur, 1990). Pengertian dari segi bahasa ini juga digunakan didalam ayat al-Quran antaranya dalam surah Ar-Ruum ayat 36 dan Surah at-Taubah ayat 103 (Elsi Kartika Sari, 2007).

Pengertian zakat dari sudut istilah menurut fuqaha' adalah mengeluarkan kadar tertentu dari harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya, sebagaimana yang ditentukan oleh Allah (Mahmood Zuhdi, 2003).

Fitrah dari segi bahasa bermaksud futhur (berbuka puasa), fitrah (suci bersih) dan fitri (fitrah semulajadi yang bersih). Makna-makna tersebut menggambarkan keadaan zakat fitrah iaitu zakat yang dikeluarkan setelah berakhir Ramadan yang bertujuan untuk menyucikan amal pada bulan Ramadan (Shofian Ahmad & Amir Husin, 2002). Jadi zakat fitrah bermaksud, zakat yang dikeluarkan kerana selesainya menjalani ibadah Ramadan. Al-Juzayri pula menyatakan zakat fitrah adalah sunnah yang diwajibkan terhadap setiap individu kaum Muslimin (al-Jazairi, 2008), ini berdasarkan riwayat Abdullah ibn Umar r.a berkata:

عَبْدُ أَوْ حُرٌّ صَغِيرٌ أَوْ كَبِيرٌ رَضِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ فَرَسٍ

Yang bermaksud: *“Rasulullah s.a.w mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan sebanyak satu sha' kurma atau satu sha' gandum terhadap hamba, atau orang yang merdeka, anak kecil atau orang dewasa”*

(Hadis Muttafaq ‘Alayh).

Zakat fitrah juga dinamakan sebagai zakat ru'us dan zakat abdan. Zakat fitrah ini telah difardukan pada tahun ke-2 Hijrah, pada tahun yang sama difardukan puasa Ramadhan.

Zakat fitrah hukumnya wajib dikeluarkan bagi setiap individu muslim, tidak kira mereka masih kecil, dewasa, lelaki, perempuan, ini adalah secara umumnya perkataan ahli ilmu, juga diwajibkan zakat ke atas anak yatim, hendaklah wali mereka yang mengeluarkan zakat tersebut dari harta mereka, tidak ada khilaf pun dalam persoalan ini kecuali Muhammad bin al-Hassan yang tidak mewajibkan zakat bagi kanak-kanak (Ibn Qudamah, 1985).

Dalil utama dalam menyatakan wajibnya zakat fitrah adalah berdasarkan riwayat Abdullah ibn Umar r.a

itu tadi, kerana jumhur fuqaha' melihat perkataan (فَرَضَ) bermaksud “memfardukan” yang jelas menyatakan bahawa zakat fitrah hukumnya adalah wajib. Walaupun begitu dalam mazhab hanafi menyatakan bahawa hukum zakat fitrah adalah wajib bukan fardu, kerana asas dalam mazhab mereka membezakan antara fardu dan wajib. Hukum fardu hanyalah kepada perkara yang mempunyai dalil bersifat qat'i thubut, berbeza dengan tiga mazhab yang lain, dimana mereka menyatakan wajib dan fardu adalah sama. Kesan daripada perbezaan ini dalam mazhab hanafi, orang yang mengingkari hukum kewajipan zakat tidaklah menjadi kafir (Zaydan, 2009).

Ibn Munzir dan selainnya telah menukulkan bahawa telah ada ijma' tentang kefarduan zakat fitrah, tetapi Abu Hanifah tidak mengatakan fardu tetapi ianya wajib kerana dalilnya adalah zhanni thubut (al-Syawkani, 1993).

3. Falsafah zakat fitrah

Zakat fitrah disyariatkan pada tahun ke-2 selepas berlakunya hijrah, pada tahun yang sama diwajibkan puasa. Apa yang dapat dilihat di sini Islam begitu mengutamakan dan mementingkan golongan yang tidak bernasib baik. Sebagaimana maklum bahawa zaman Islam madinah adalah zaman pemantapan umat dari sudut ibadat selepas menjalani zaman pemantapan akidah di Mekah. Jadi jelaslah pada awal pemantapan ibadat telah disyariatkan zakat fitrah.

Falasafah zakat fitrah adalah memberi, di mana orang yang kaya memberi kepada golongan fakir miskin. Ia juga membawa motif perkongsian antara orang kaya dan golongan yang tidak bernasib baik, hal ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadis ketika mana Rasulullah menghantar Mu'az bin Jabal ke Yaman dan berpesan:

أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيُنِيَّائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Yang bermaksud: “sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka agar menzakatkan harta mereka yang di ambil daripada orang-orang yang kaya dalam kalangan mereka dan diberikan kembali kepada orang yang miskin dalam kalangan mereka”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Zakat fitrah juga salah satu inisiatif bagi mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam, juga untuk tidak membezakan taraf sosial atau status antara umat Islam. Hal ini bertepatan dengan tujuan syariat Islam itu sendiri. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Yang bermaksud: “Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.”

(Surah al-Hujurat: 10)

Terang dan nyata di dalam firman Allah SWT yang menyamakan taraf orang beriman, tidak membezakan miskin atau kaya. Ia juga sejajar dengan firman Allah SWT di dalam ayat yang lain, iaitu;

رَمَكُمُ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Yang bermaksud: “Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah

Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”

(Surah al-Hujurat: 13)

Dapat diamati pada hakikatnya sistem seperti ini merupakan asas nilai pembangunan sesebuah masyarakat atau boleh dikatakan juga sebagai asas kemajuan ekonomi bagi sesebuah negara. Kerana zakat bukan setakat ibadah, ianya juga merangkumi prinsip kehartaan, sosial, serta pentadbiran sesebuah negara.

Seterusnya adalah wajar untuk melihat kepada objektif dan hikmah zakat fitrah secara khusus. Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa ada perbezaan antara zakat fitrah dan jenis zakat-zakat yang lain, dan perbezaan itu tentulah membawa objektif dan hikmah yang berbeza. Sebenarnya objektif dan hikmah zakat fitrah nyata dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ibn 'Abbas:

طُعْمَةٌ لِلْمَسَاكِينِ مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ فَرَضٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةُ الْفِطْرِ طُهْرَةٌ لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَ قَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ صَدَّ

Yang bermaksud: “Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa orang yang berpuasa daripada perkara (perkataan) yang tidak berguna dan jijik (daripada orang yang berpuasa), dan sebagai makanan bagi orang miskin. Barangsiapa yang mengeluarkan zakat fitrah sebelum solat 'Ied (Aidilfitri), maka zakat itu akan menjadi zakat (pembersih) yang diterima. Namun, barangsiapa yang mengeluarkannya setelah solat Aidilfitri, maka zakat itu akan menjadi sedekah biasa”

(Hadis riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan Al-Hakim)

Berkenaan dengan hadis ini al-Khattabi (1933) mengatakan:

“Allah zakat fitrah adalah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada perkara sia-sia dan keji, dan zakat fitrah ini wajib bagi setiap orang yang kaya (memiliki nisab yang cukup) sama ada dalam keadaan berat atau senang, ataupun orang fakir yang ada lebih pada makanan asasi mereka, sekiranya kewajipan ini berdasarkan illah penyucian, maka setiap orang yang berpuasa berkehendak padanya, sekiranya ia berkongsi pada illah maka berkongsi pada kewajipannya”

Hadis ini menunjukkan hikmah zakat fitrah, iaitu bagi orang yang berpuasa zakat ini menyucikan puasa mereka, dan sebagai tanda syukur terhadap nikmat puasa itu, bagi masyarakat ia sebagai penutup kekurangan orang yang memerlukan, dan termasuk juga sebagai kegembiraan bagi mereka pada aidilfitri (Nur al-Din, 2000).

Hikmah zakat fitrah juga boleh dibahagikan kepada dua. Yang pertamanya hikmah yang diperolehi oleh orang yang berpuasa pada bulan Ramadan. Adakalanya orang yang berpuasa sia-sia dalam percakapan dan keji dalam perkataannya. Sedangkan puasa yang sempurna itu adalah menahan lidah dan anggota badan, sebagaimana berpuasanya (menahan) perut dan kemaluan. Tidak ada toleransi bagi seorang yang berpuasa daripada perbuatan dan percakapan melalui lidahnya dan telinganya kedua belah matanya, tanganya, kakinya dalam melakukan apa yang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya. Amat jarang orang yang berpuasa selamat daripada perkara tersebut, ini adalah kelemahan yang terdapat dalam diri manusia kebiasaannya, maka datang pula zakat pada pengakhiran bulan ramadan, yang dapat mensucikan diri orang yang berpuasa daripada perkara-perkara memudaratkan puasanya, atau yang mengotorkan puasanya, dan manampal kekurangan pada puasa tersebut, kerana kebaikan itu akan menghapuskan keburukan.

Sebagaimana Allah menjadikan sunat rawatib disamping solat fardu adalah bertujuan untuk menampal solat fardu tersebut dari kelalaian, kecacatan atau cacatnya sebahagian adab-adab solat. Sebahagian

ulama' menyamakannya (zakat fitrah) dengan sujud sahwi sebagaimana kata Waqi' bin Jarrah:

Zakat fitrah pada bulan Ramadan, seperti sujud sahwi, yang mana menampal kekurangan puasa, sebagai mana sujud sahwi menmpal kekurangan solat

Yang kedua, ianya berkaitan dengan kemasyarakatan di mana dengan menyebarkan kasih sayang, kegembiraan dalam setiap komuniti, terutamanya terhadap orang miskin dan orang yang berhajat padanya. Aidilfitri adalah hari kebahagiaan dan kegembiraan setiap orang, dan hendaklah diperluaskan kegembiraan itu kepada setiap individu dalam masyarakat muslim. Selama-lamanya tidak akan gembira orang miskin selagi mana mereka melihat orang yang senang dan kaya memakan yang sedap, lazat dan baik, sedangkan mereka tidak ada makanan asas untuk sehari pun sewaktu perayaan orang Islam (al-Qaradawi, 1994). Ia selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

غَنُوهُمْ عَنْ طَوَافِ هَذَا الْيَوْمِ

Yang bermaksud: "Cukupkanlah mereka (yakni orang-orang fakir miskin) pada hari ini (yakni hari raya puasa)"
(Hadis riwayat al-Baihaqi dan Ad-Daralqutni).

Antara lain objektif zakat fitrah adalah untuk melatih dan membiasakan setiap individu muslim untuk bersedekah dan mengeluarkan zakat khususnya. Ini adalah kerana zakat fitrah adalah zakat badan atau individu yang wajib dikeluarkan ke atas mereka yang cukup makanan asasi sehari semalam pada hari raya Aidilfitri dan ada kelebihan yang mencukupi satu gantang untuk dizakatkan. Ia merangkumi orang kaya mahupun orang miskin. Secara jelasnya zakat fitrah ini melatih setiap muslim kaya mahupun miskin untuk menginfakkan harta dalam keadaan kesempitan sebagaimana dia menginfakkan hartanya dalam keadaan senang. Ini adalah sifat orang yang bertakwa, sejajar dengan firman Allah SWT:

لَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالصَّرَّاءِ

Yang bermaksud: "mereka yang menginfakkan (menyedekahkan harta) dalam keadaan gembira mahupun dukacita (kesempitan)..."

(Surah Ali 'Imran: 134)

4. Kaedah pentadbiran zakat fitrah di Malaysia

Perlembagaan Malaysia telah meletakkan pentadbiran zakat di bawah pentadbiran agama Islam iaitu di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Bentuk organisasi dalam pengurusan zakat adalah berbeza bergantung kepada pentadbiran negeri tersebut. Tetapi apa yang mahu difokuskan adalah dalam Bahagian 3(13), Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa sumber hasil yang diserahkan kepada negeri adalah zakat, fitrah, Baitulmal dan hasil agama yang lain.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan sebuah badan yang tertinggi dalam pentadbiran Islam di peringkat negeri. Badan ini bertanggungjawab untuk mengurus dan menentukan segala hal ehwal agama Islam. Antara fungsi MAIN adalah penasihat kepada Sultan/Raja, membuat dasar atau polisi yang berhubung dengan hal ehwal Islam dan mengeluarkan fatwa yang berhubung kait dengan hal ehwal Islam. Bilangan ahli dalam MAIN adalah lebih kurang 20 orang. Mereka dilantik oleh pemerintah sesebuah negeri. Ahli MAIN terdiri daripada ahli politik, setiausaha kerajaan negeri, pegawai-pegawai agama, ahli akademik, ahli perniagaan dan juga ahli korporat. Kebiasaannya, MAIN diketuai oleh yang dipertua atau pengerusi (Ahmad Radzuan, 2009).

Selesai pengenalan Majlis Agama Islam Negeri secara ringkas, apa yang ingin difokuskan adalah salah

satu contoh badan pentadbiran zakat sebagai pengenalan sebelum melanjutkan perbincangan dalam bab ini. Kajian menfokuskan pengenalan badan pelaksana zakat fitrah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di Wilayah Persekutuan institusi yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dana zakat ialah Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) (PPZ-MAIWP, 2017). Manakala badan yang bertanggungjawab bagi pengurusan dana zakat fitrah serta harta wakaf dipikul oleh Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kedua-dua badan ini terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Tugas PPZ-MAIWP ialah memungut zakat harta di tiga wilayah utama iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pengagihan zakat atau program-program agihan kepada lapan asnaf yang layak menerima zakat adalah di bawah Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZMAIWP, 2010).

Manakala fungsi Baitulmal Wilayah Persekutuan pula adalah seperti berikut (MAIWP, 2017):

- Menguruskan dan mengendalikan agihan zakat kepada golongan asnaf di Wilayah Persekutuan.
- Menguruskan penerimaan hartanah wakaf dan pusaka di Wilayah Persekutuan
- Menguruskan penerimaan harta luqatah, sedekah, faraid, fidyah, kaffarah, wasiat dan wang faedah di Wilayah Persekutuan.
- Menguruskan kutipan zakat fitrah bagi seluruh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Pengenalan ini hanya sebagai contoh badan pentadbiran zakat di Malaysia. Secara umumnya terdapat pelbagai bentuk struktur pentadbiran zakat di Malaysia sebagaimana berikut (Muhsin Nor Paizin, 2016):

1. Pentadbiran zakat secara langsung oleh pihak MAIN. Contohnya di Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor dan Perak.
2. Pentadbiran dwi-sistem iaitu urusan kutipan di bawah anak syarikat (institusi pungutan zakat - IPZ), manakala urusan agihan kekal di bawah MAIN seperti di Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.
3. Pentadbiran zakat secara tidak langsung dengan mempertanggungjawabkan badan lain bagi pihak MAIN dalam urusan kutipan serta agihan zakat sepertimana di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.
4. Pentadbiran secara jabatan di mana ianya terpisah dari MAIN namun tetap diketuai oleh sultan, contohnya di Kedah.

Selanjutnya, tinjauan dilakukan untuk mengetahui bagaimana kaedah pentadbiran zakat di Malaysia dengan melihat secara rawak kepada setiap negeri yang berada di Malaysia. Perbincangan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kaedah pungutan zakat dan kaedah pengagihan zakat.

Kaedah pungutan zakat

Pungutan dan kutipan zakat fitrah telah menjadi satu kelaziman di Malaysia. Ia berikutan pembayaran zakat fitrah hanya dilakukan sepanjang bulan Ramadan hingga sebelum solat aidilfitri. Oleh itu, pusat zakat telah mengerahkan usaha untuk membuat pungutan zakat dalam tempoh tersebut demi kemaslahatan golongan asnaf yang memerlukan.

Jadual 1. Statistik kutipan dan agihan

Negeri	Jumlah Kutipan	Jumlah Pembayar
Wilayah Persekutuan	8,186,934.00	1,169,562
Selangor	21,495,047.00	-
Kedah	8,129,404.00	1,161,343

Pulau Pinang	4,562,761.00	651,823
Terengganu	5,921,710.73	7,214
Pahang	6,795,589.00	969,186
Negeri Sembilan	4,275,323.00	657,742
Melaka	3,625,115.40	541,062
Johor	15,670,498.00	1,967,236
Sabah	8,930,558.00	1,275,794
Sarawak	4,948,956.00	706,993
Perak	8,251,915.00	1,178,845
Kelantan	-	-
Perlis	-	-

Sumber: Laporan Zakat 2015, PPZ-MAIWP

Justeru, dalam bahagian ini kajian akan melihat kaedah pungutan zakat di Malaysia serta melihat keberkesanan kaedah tersebut. Sekiranya terdapat inisiatif kaedah lain yang dianggap berkesan juga akan disertakan.

Kutipan dengan menggunakan amil

Amil ialah petugas yang memungut zakat daripada mereka yang layak mengeluarkannya. Amil zakat fitrah dilantik oleh Majlis Agama di setiap negeri, dan mereka akan memungut zakat di kawasan yang telah ditentukan, juga menghebahkan supaya orang ramai membayar zakat. Amil yang telah ditugaskan akan memungut zakat bermula dari 1 Ramadan sehinggalah sebelum, solat aidilfitri pada 1 Syawal. Kemudian mereka akan menyerahkan wang pungutan tersebut kepada ketua Amil dan diserahkan kepada Baitulmal untuk proses agihan (Zuraini Zakaria, 2002).

Amil telah ditempatkan di pelbagai tempat dalam usaha memungut zakat. Amil tidak lagi berada di Masjid atau surau sahaja, bahkan telah ditempatkan di tempat-tempat awam seperti pasar raya, bazar Ramadan dan di setiap tempat tumpuan orang ramai. Ia dapat mempercepatkan lagi proses pungutan, dan dapat mensasarkan kutipan yang banyak dalam masa yang sama mempromosi kewajipan zakat fitrah terhadap masyarakat umum. Kaedah ini masih lagi berkesan dan praktikal, dan perluasan tempat kutipan juga dilihat satu tindakan yang baik dan bijak.

Kutipan melalui sistem pesanan ringkas (SMS)

Kaedah pungutan zakat di Malaysia semakin ke arah kemajuan apabila beberapa negeri di Malaysia telah memperkenalkan pembayaran zakat melalui khidmat pesanan ringkas. Sebagai contoh wujudnya mZakat yang diperkenalkan oleh Maxis Berhad (Maxis) selepas dilantik sebagai ejen kutipan zakat di beberapa negeri, iaitu Selangor, Melaka, Sabah, Kedah, Perlis, Pahang dan Terengganu (MyMetro, 2016).

Selain maxis, antara syarikat yang menawarkan pembayaran zakat melalui khidmat sistem pesanan ringkas adalah syarikat telekomunikasi Celcom Berhad. Penggunaan kaedah ini adalah untuk memudahkan pengguna dan pembayar zakat untuk membayarnya tanpa perlu berebut dan beratur panjang. Kaedah ini juga memberi kemudahan pada golongan orang kelainan upaya (OKU) untuk menunaikan zakat fitrah.

Kaedah pembayaran adalah seperti berikut (Lembaga Zakat Selangor, 2017a):

1. CELCOM: Taip FITRAH [Jarak] SELANGOR dan hantar ke 21999 serta ikuti arahan seterusnya
2. MAXIS: Taip FITRAH [Jarak] SELANGOR dan hantar ke 22032 serta ikuti arahan seterusnya

Bayaran zakat fitrah juga boleh dibuat untuk tanggungan ataupun sebagai wakil. Resit bayaran zakat melalui SMS ini boleh dimuat turun dari laman berikut:

1. CELCOM di alamat <http://mfitrah.celcom.net.my/mfitrah/>
2. MAXIS di alamat <http://www.maxis.com.my/personal/latest/mzakat/>

Kaedah seperti ini telah difatwakan harus oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Kaedah seperti ini juga dilihat amat berkesan, dimana setiap individu boleh membayar zakat di mana sahaja dia berada. Tanpa perlu mencari amil atau pergi ke pusat pungutan zakat.

Kaedah kutipan melalui perbankan internet

Di Malaysia juga mengamalkan sistem perbankan internet, dan kini diperkembangkan sehingga adanya kemudahan untuk membayar zakat fitrah melalui perbankan internet. Antara bank yang menawarkan perkhidmatan itu adalah, Bank Islam, Bank RHB, Maybank, Am Bank, Public Bank, EON Bank, Bank CIMB, dan Bank Rakyat.

Kaedah-kaedah Lain

Antara kaedah pembayaran zakat lain adalah melalui mesin ATM, dan e-Debit. Semua kaedah ini telah difatwakan harus oleh badan fatwa. Antara negeri yang mewartakan keharusan penggunaan perkara tersebut adalah Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Melaka, manakala yang fatwa yang mengharuskan tetapi tidak diwartakan adalah Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang dan Terengganu (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003).

Kempen dan promosi

Kaedah kempen dan promosi juga dilihat memberi kesan dalam menggalakkan masyarakat membayar zakat. Setiap negeri di Malaysia menjalankan kempen dan promosi untuk menyedarkan dan memberi keterangan akan kewajipan dan kepentingan membayar zakat. Antara kaedah kempen dan promosi adalah seperti menampal banner, poster, menyediakan handout, risalah dan artikel. Juga menggunakan saluran media massa samada televisyen, radio, surat khabar dan majalah. Kempen juga dilakukan melalui ceramah-ceramah.

Pengurusan hasil zakat fitrah

Dalam bahagian ini merujuk kepada pengurusan hasil zakat di Baitulmal Wilayah Persekutuan, hasil pungutan zakat fitrah akan dikumpul, dan setiap resit-resit juga perlu diserahkan oleh amil atau pihak berwajib. Bahagian akaun akan membuat semakan hasil kutipan dan jumlah resit adakah ianya tepat, sekiranya lebih akan dipulangkan semula kepada amil atau pihak berwajib, sekiranya kurang maka amil dan pihak berwajib perlu bertanggungjawab. Kemudian kutipan zakat fitrah atau zakat harta akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Zakat iaitu bahagian perakaunan dan pengurusan untuk diagihkan, dilaburkan dan pembelian saham.

Bahagian kewangan akan menyediakan belanjawan dan ianya akan dibentangkan oleh Ketua Pengarah Baitulmal atau Zakat untuk mendapat kelulusan dari Majlis Fatwa. Apabila Majlis Fatwa meluluskan pembentangan tersebut ia perlu mendapat kelulusan daripada MAIWP dan seterusnya dihantar kepada Yang Di Pertuan Agong untuk diluluskan.

Apabila semua urusan dan kelulusan telah diperolehi. Semakan kelayakan asnaf dilakukan. siasatan dari sebarang penipuan juga dilakukan. Sekiranya pemohon didapati layak untuk menerima bantuan maka unit agihan akan mendapatkan perakuan dan kelulusan daripada Ketua Pengarah, seterusnya pembayaran akan dibuat kepada penerima zakat (Zuraini Zakaria, 2002).

Kaedah pengagihan zakat

Kaedah pengagihan zakat fitrah di Malaysia adalah berbeza di setiap negeri mengikut mekanisma dan prinsip pengagihan di negeri masing-masing. Kajian akan menjelaskan secara umum kaedah pengagihan zakat di Malaysia, juga dengan melihat titik persamaan dalam kaedah pengagihan di setiap negeri.

Kepada siapa zakat fitrah diberi

Mengenai golongan yang berhak menerima zakat, telah menjadi ijma' bahawa zakat fitrah adalah kepada orang Islam yang fakir (Ibn Rush, 2003). Hakikatnya zakat fitrah adalah sama dengan zakat-zakat yang lain kerana termasuk dalam umum firman Allah SWT:

أَبِ الْغَارِمِينَ وَبِ سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنَّ السَّبِيلَ فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُرَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَبِ الرِّدَّةِ إِنَّ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang yang fakir, orang-orang miskin, para Amil, orang yang dilembutkan hatinya oleh Islam, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, orang yang berada (berjihad) di jalan Allah, orang yang sedang dalam perjalanan (musafir), sebagai satu kewajiban yang ditetapkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*”

(Surah al-Tawbah: 60)

Ini kerana zakat fitrah juga adalah zakat, sama seperti zakat-zakat yang lain (Wahbah al-Zuhaili, 1989). Oleh itu asnaf yang layak menerima zakat fitrah adalah lapan asnaf yang disebutkan dalam firman Allah tersebut. Tetapi golongan yang menjadi keutamaan adalah golongan fakir miskin berikutan terdapat hadis Nabi SAW yang memerintahkan agar memberikan kesenangan kepada golongan fakir miskin pada perayaan Aidilfitri.

Menghimpunkan zakat fitrah dan zakat harta

Amalan kebanyakan pusat zakat di Malaysia juga adalah menghimpunkan hasil kutipan zakat fitrah dengan zakat harta yang lain dan diagihkan kepada 8 bahagian. Setiap golongan asnaf akan mendapat 1/8 bahagian.

Kaedah mengenalpasti asnaf

Kebanyakan Baitulmal ataupun Pusat Zakat di setiap negeri mempunyai kaedah yang dilihat praktikal dan relevan untuk mengenalpasti golongan asnaf, kebiasaan kaedah untuk mengenalpasti asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin adalah seperti berikut (Lembaga Zakat Selangor):

- Melakukan bancian untuk mengenalpasti pendapatan masyarakat dan taraf hidup mereka, berteraskan had kifayah.
- Mendapatkan kerjasama pihak yang hampir dan mengenali penduduk iaitu dari kalangan penghulu mukim, ketua kampung, pengerusi jawatankuasa penduduk, JKKK dan Jawatankuasa Masjid.
- Mendapatkan maklumat dari pihak sekolah, mendapatkan maklumat daripada NGO, orang persendirian, media dan sebagainya.
- Mendapat kerjasama daripada penolong amil kariah yang terdiri daripada jawatankuasa masjid dan surau untuk menyampaikan maklumat mereka yang berada di dalam kesusahan kepada Baitulmal atau Pusat Zakat.
- Menyediakan perkhidmatan talian khidmat pelanggan, juga talian bebas tol untuk memudahkan orang ramai melaporkan kedudukan dan sekiranya kedapatan golongan yang berhak menerima zakat.

Mengisi borang permohonan

Di setiap pusat pengurusan zakat negeri telah mengeluarkan borang permohonan zakat yang perlu diisi oleh orang yang memerlukannya. Tetapi terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi dan dipenuhi oleh pemohon agar layak menerima zakat tersebut. Setiap negeri juga telah meletakkan garis panduan untuk mengisi borang tersebut. Tetapi apa yang mendukacitakan kaedah mengisi borang permohonan ini agak merumitkan kerana begitu banyak prosedur untuk meluluskan satu-satu permohonan.

Menganjurkan program-program untuk menyalurkan bantuan zakat

Setiap pusat agihan zakat di Malaysia juga menganjurkan program-program untuk menyalurkan dana zakat. Sebagai contoh Lembaga Zakat Selangor memberikan penekanan kepada lima program khusus iaitu:

- Program Pembangunan Sosial
- Program Pembangunan Ekonomi
- Program Pembangunan Pendidikan
- Program Pembangunan Institusi Agama
- Program Pembangunan Insan

Setiap program tersebut memberikan penekanan kepada tiga golongan asnaf yang utama iaitu: fakir, miskin dan muallaf (Lembaga Zakat Selangor, 2017b). Dan banyak lagi program yang dijalankan seperti agihan bantuan hari raya, majlis hari raya, majlis berbuka puasa, juga mengadakan kursus, seperti kursus kecermelangan, kursus menjahit, memasak untuk menjana ekonomi fakir dan miskin.

5. Kesimpulan

Pentadbiran zakat fitrah di Malaysia telah diurus tadbir oleh MAIN sekian lama. Namun inisiatif baru yang bersifat kreatif, inovatif dan sesuai dengan perkembangan semasa amat diperlukan bagi menjamin kemaslahatan umat Islam samada kepada pihak pengeluar zakat atau penerima zakat. Menyedari hakikat ini, kebanyakan insituti zakat di Malaysia yang diketuai oleh MAIN amat peka dengan perkembangan semasa pada hari ini. Oleh itu, pelbagai frasarana baru khususnya dari aspek pungutan zakat diperkemas dan diperkenalkan. Maka lahirlah pembayaran zakat melalui agensi yang dilantik oleh MAIN seperti PPZ-Selangor, PPZ-Wilayah, sistem bayaran zakat atas talian (online), SMS dan seumpamanya. Pentadbiran yang cekap juga ditunjukkan dari segi pengagihan zakat. Justeru, pentadbiran zakat fitrah yang terdiri daripada pungutan dan pengagihan berada pada tahap yang cekap dan sistematik. Penulisan ini mencadangkan agar pihak MAIN dapat meneruskan pelbagai aktiviti dan program yang menepati realiti demi menjamin kemaslahatan ummah berterusan.

Rujukan

- Afiq Hanif (Jun 2016). Dicapai pada 7 Februari 2017 daripada <http://www.hmetro.com.my/node/147132>.
- Ahmad Muflih Saefuddin (1986). *Pengelolaan zakat ditinjau dari aspek ekonomi*. Bontang : Badan Dakwah Islamiyyah.
- Ahmad Radzuan Ghazali. (2009). *Kesan tahap keagamaan dan akauntabiliti peribadi terhadap niat membayar zakat perniagaan di kalangan kontraktor perniagaan tunggal di Pulau Pinang*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. (2003). *Bulugh al-Maram min Adillati al-Ahkam*. Riyadh : Dar As-Salam.
- Al-Jazayri, Abu Bakar Jabir. (2008). *Ensiklopedi Muslim*, (Fadhli Bahri, terj). Jakarta : Darul Falah.
- Al-Khattabi. (1933). *Ma'alim as-sunan*. Matba'ah Muhammad Raghbi al-Thibakh.

- Al-Qaradawi. (1994). *Fiqh al-Zakat*. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali. (1993). *Nailul Authar*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Damsyik : Dar al-Fikr
- Elsi Kartika Sari. (2007). *Pengantar hukum zakat dan wakaf*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2003) (Negeri Selangor), (Fatwa di Bawah Seksyen 47, jil. 64, no.1, 2011).
- Hafidhudin, Didin. (2002). *Zakat dalam perekonomian modern*. Jakarta : Gema Insani.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (1985). *Al-Mughni*. Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. (2003). *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Lembaga Zakat Selangor (2017a). Dicapai pada 20 Februari 2017 daripada <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/guna-sms-untuk-membayar-fitrah/>.
- Lembaga Zakat Selangor (2017b). Dicapai pada 9 Februari 2017 daripada <http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/had-kifayah/>.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2017). Dicapai pada 27 Februari 2017 daripada <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/info-korporat/objektif-visi-dan-misi>.
- Nur Ad-Din 'Itr. (2000). *I'lam al-anam syarh bulugh al-maram*. Damsyik : Dar al-Furfur.
- PPZ-MAIWP (2017). Dicapai pada 8 Februari 2017 daripada <http://www.zakat.com.my/>.
- Shofian Ahmad, Amir Husin Mohd. Noor. (2002). *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.
- Zaydan, Abdul Karim (2009). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut : Muasasah Ar-Risalah.
- Zuraini Zakaria. (2002). *Zakat fitrah di Darul Zakat Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- PPZMAIWP (2015). *Laporan Zakat 2015*. Kuala Lumpur: PPZ.
- Muhsin Nor Paizin (2016). Institusi Pungutan Zakat (IPZ): Menilai Objektif Institusi. Dalam Razali Md. Jani, Muhsin Nor Paizin, Luqman Hj. Abdullah & Muhammad Ikhlas Rosele, Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat. Kuala Lumpur: PPZ dan JFU. 313.